

# **GARIS PANDUAN PENGURUSAN PREMIS CUCIAN KENDERAAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

## PRAKATA

Garis panduan ini dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan satu dokumen yang memberi panduan mengenai pengurusan premis cucian kenderaan.

Garis panduan ini merangkumi aspek keperluan-keperluan fizikal, penyenggaraan, pengurusan sisa serta penyimpanan rekod di premis-premis cucian kenderaan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Jabatan Kerajaan Tempatan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,  
Aras 25-29,  
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 Putrajaya

Webmail : <http://www.kpkt.gov.my> atau  
<http://www.jkt.gov.my>

Telefon : 03- 8891 3330

Faks : 03- 8891 3097

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan daripada pihak Jabatan Kerajaan Tempatan kepada ahli-ahli jawatankuasa penyediaan Garis Panduan ini yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi awam dan swasta seperti berikut:-

- Kementerian Wilayah Persekutuan
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Jabatan Perkhidmatan Pembetulan
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Perbadanan Putrajaya
- Majlis Bandaraya Alor Setar
- Majlis Bandaraya Ipoh
- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- Majlis Bandaraya Shah Alam
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- Majlis Perbandaran Bentong
- Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- Majlis Perbandaran Kajang
- Majlis Perbandaran Kluang
- Majlis Perbandaran Kota Bharu
- Majlis Perbandaran Kuantan
- Majlis Perbandaran Kulai
- Majlis Perbandaran Kulim
- Majlis Perbandaran Langkawi
- Majlis Perbandaran Manjung
- Majlis Perbandaran Nilai
- Majlis Perbandaran Pasir Gudang
- Majlis Perbandaran Seberang Perai
- Majlis Perbandaran Selayang
- Majlis Perbandaran Sepang
- Majlis Perbandaran Seremban
- Majlis Perbandaran Sibu
- Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Majlis Perbandaran Taiping
- Majlis Perbandaran Tawau
- Majlis Daerah Dungun
- Majlis Daerah Hulu Selangor
- Majlis Daerah Jerantut
- Majlis Daerah Kuala Langat
- Majlis Daerah Kuala Pilah
- Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Daerah Lipis
- Majlis Daerah Pengkalan Hulu
- Majlis Daerah Rembau
- Majlis Daerah Tampin
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
- Indah Water Konsortium
- Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd.

# ISI KANDUNGAN

<b>1.0 PENDAHULUAN</b> .....	5
<b>2.0 OBJEKTIF</b> .....	7
<b>3.0 DEFINISI</b> .....	8
<b>4.0 UNDANG-UNDANG DAN AKTA BERKAITAN</b> .....	9
<b>5.0 PENGURUSAN PREMIS CUCIAN KENDERAAN</b>	
5.1 Lokasi Operasi .....	10
5.2 Waktu Operasi Perniagaan .....	11
5.3 Kategori Kenderaan .....	11
5.4 Pekerja .....	11
5.5 Spesifikasi Premis .....	12
5.5.1 Keperluan fizikal .....	12
5.6 Operasi dan Penyenggaraan.....	20
5.6.1 Penyenggaraan Perangkap Minyak.....	20
5.6.2 Kebersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal .....	21
5.6.3 Pengurusan Buangan Terjadual .....	21
5.6.4 Keselamatan.....	22
5.6.5 Produk Mesra Alam .....	23
5.6.5 Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan Dilakukan Di Premis.....	23
5.7 Pencemaran .....	23
5.8 Kacau Ganggu .....	24
5.9 Pemantauan dan Penguatkuasaan. ....	26
5.10 Amalan Pengurusan Terbaik. ....	26
<b>6.0 PENUTUP</b> .....	27
<b>7.0 RUJUKAN</b> .....	28
<b>8.0 LAMPIRAN</b> .....	28

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), bertujuan untuk memudah cara serta memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengusaha/ peniaga dan pihak berkepentingan dalam urusan yang berkaitan dengan perniagaan cucian kenderaan di PBT.
- 1.2 Premis cucian kenderaan adalah sebuah tempat atau fasiliti untuk membersihkan permukaan luaran kenderaan dan juga ruangan dalaman kenderaan meliputi jenis kereta, motorsikal, *pickup truck*, van, *multi purpose vehicle* (MPV), *sport utility vehicle* (SUV) dan pelbagai lagi. Selain daripada itu, sejajar dengan peredaran zaman, ia berkembang menjadi sebuah industri komersial yang canggih dan profesional.
- 1.3 Pada masa kini, masalah pencemaran sungai telah menjadi semakin serius. Selain daripada pelepasan sisa makanan, minyak dan gris dari premis-premis makanan ke longkang dan sungai, air buangan dari premis cucian kenderaan juga telah dikenal pasti sebagai salah satu punca pencemaran air. Isu pertambahan bilangan premis cucian kenderaan seiring dengan pembangunan bandar perlu diberi perhatian.
- 1.4 Terdapat beberapa kategori premis basuhan kenderaan yang dikenal pasti wujud di negara ketika ini iaitu:
- (i) Pembersihan manual – kenderaan dibersihkan secara manual oleh pekerja-pekerja melalui beberapa siri aktiviti secara berturutan sehingga kenderaan bersih.
  - (ii) Pembersihan secara separa automatik – kenderaan dibersihkan secara separa automatik iaitu secara manual oleh pekerja-pekerja pada peringkat awal untuk menghilangkan kekototan luaran, seterusnya

menggunakan mesin/peralatan pembersihan yang mempunyai fungsi tertentu disusun secara berturutan sehingga kenderaan bersih. Pemilik kenderaan perlu memandu sendiri kenderaan ke setiap mesin/peralatan basuhan automatik sehingga aktiviti pembersihan selesai. Seterusnya, kenderaan dikeringkan oleh pekerja.

- (iii) Pembersihan secara automatik - kenderaan dibersihkan menggunakan mesin/peralatan pembersihan yang mempunyai fungsi tertentu disusun secara berturutan sehingga kenderaan bersih. Kenderaan digerakkan ke setiap mesin/peralatan basuhan automatik sehingga aktiviti pembersihan selesai.

1.5 Di antara aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti dijalankan di premis cucian kenderaan adalah seperti berikut:

- (i) Pembasuhan bahagian luaran kenderaan;
- (ii) Pembasuhan enjin kenderaan;
- (iii) Pembersihan dalaman kenderaan;
- (iv) Penggilap (*polish*) dan *wax* kenderaan (*auto detailing*); dan
- (v) Pengewapan antibakteria dan halau serangga ruangan dalam kenderaan.

1.6 Pada masa ini, kelulusan menjalankan aktiviti perniagaan cucian kenderaan di kawasan PBT adalah tertakluk di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian di PBT berkenaan. Namun begitu adalah didapati syarat lesen bagi menjalankan aktiviti perniagaan cucian kenderaan adalah tidak konsisten di antara PBT. Di samping itu, tiada garis panduan seragam yang berkaitan untuk dirujuk dan digunapakai oleh PBT.

## **2.0 OBJEKTIF**

Objektif utama penyediaan garis panduan ini adalah untuk:-

- 2.1 Menyeragamkan syarat dan keperluan bagi premis cucian kenderaan di kawasan PBT.

DRAFT

### 3.0 DEFINISI

3.1 Bagi tujuan garis panduan ini, definisi bagi istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

	<b>Istilah</b>	<b>Keterangan</b>
3.1.1	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana berkenaan, dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190).
3.1.2	Perangkap Minyak	Alat yang berfungsi untuk mengasingkan enapan, sisa minyak dan gris daripada air cucian kenderaan sebelum air tersebut dialirkan ke longkang atau alur air.
3.1.3	Premis Cucian Kenderaan	Mana-mana tempat atau premis yang dijadikan aktiviti perniagaan bagi cucian kenderaan yang melibatkan aktiviti membasuh, mengelap, mengering dan sebagainya.
3.1.4	Pemegang Lesen	Individu yang telah dikeluarkan suatu lesen premis cucian kenderaan oleh PBT di bawah Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian di PBT berkenaan.
3.1.5	Kontraktor	Individu atau syarikat yang dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pemasangan, penyenggaraan sistem pengurusan air buangan, dan pengutipan sisa minyak pelincir atau pelupusan sisa minyak dan gris daripada perangkap minyak yang berdaftar dengan pihak berkuasa berkenaan.



## 4.0 AKTA DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

4.1 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perundangan, dasar dan peraturan utama seperti berikut:

- 4.1.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- 4.1.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- 4.1.3 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- 4.1.4 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655);
- 4.1.5 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)
- 4.1.6 Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- 4.1.7 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- 4.1.8 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap;
- 4.1.9 Undang-Undang Kecil Iklan;
- 4.1.10 Malaysian Standard (MS) 1539 - *Specification for Portable Fire Extinguishers-Part 3: Selection and Installation-Code of Practice*; dan
- 4.1.11 Mana-mana Undang-Undang Kecil, dasar dan perundangan yang berkaitan dengan urusan cucian kenderaan, garis panduan, pekeliling, peraturan yang diguna pakai dari semasa ke semasa.

## 5.0 PENGURUSAN PREMIS CUCIAN KENDERAAN

### 5.1 Lokasi Operasi

5.1.1 Lokasi operasi perniagaan premis cucian kenderaan yang dibenarkan adalah di premis-premis seperti berikut, antaranya:

- i. kedai/pejabat dan kedai/pangsapuri sama ada lot tengah atau lot tepi;
- ii. Stesen minyak;
- iii. Bangunan industri;
- iv. Tempat letak kereta di dalam bangunan kompleks perniagaan (sekiranya ada ruang tempat letak kereta berlebihan);
- v. Tempat letak kereta terbuka di kawasan persendirian bangunan kompleks perniagaan dan ianya tertakluk kepada lebih tempat letak kereta dan lokasi yang sesuai (contoh Hypermarket Tesco dan Giant); dan
- vi. Tanah persendirian yang sesuai dan ianya tertakluk kepada kelulusan PBT.

Lokasi premis yang tersebut di atas hendaklah mempunyai kriteria seperti berikut, antaranya;

- i. Lokasi yang mudah diakses oleh orang awam;
- ii. Tiada gangguan aliran trafik dan lalu lintas; dan
- iii. Penyewaan tempat letak kenderaan (parkir) hanya dibenarkan di hadapan dan lorong belakang premis berkaitan mengikut kesesuaian.

5.1.2 Kawasan larangan perniagaan premis cucian kenderaan adalah seperti berikut:

- i. Bersebelahan dengan premis makanan, klinik, dan kedai runcit;
- ii. Simpang jalan utama dan lampu isyarat;
- iii. Berdekatan utiliti seperti pili bomba, telefon awam, *substation* TNB dan lain-lain;

- iv. Petak parkir awam (terbuka);
- v. Pejalan kaki dan juga rezab pejalan kaki;
- vi. Kawasan pembangunan perumahan berkonsepkan *gated community* dan *guarded neighbourhood* atau *landed* strata; dan
- vii. Kawasan lapang awam dan lorong belakang.

## **5.2 Waktu Operasi Perniagaan**

PBT boleh menentukan waktu perniagaan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

## **5.3 Kategori Kenderaan**

Kategori kenderaan yang dibenarkan untuk cucian adalah seperti kereta, *sport utility vehicle* (SUV), *multi purpose vehicle* (MPV), van, *pickup truck*, motorsikal dan sebagainya.

## **5.4 Pekerja**

Semua pekerja di premis cucian kenderaan hendaklah terdiri daripada warga tempatan atau warga asing yang mempunyai permit.

## 5.5 Spesifikasi Premis Cucian Kenderaan

### 5.5.1 Keperluan fizikal

Berikut adalah standard am minimum bagi keperluan fizikal premis cucian kenderaan:

- (i) Kemudahan premis cucian kenderaan hendaklah berbumbung bagi mencegah air hujan dari memasuki kemudahan ini;
- (ii) Pencahayaan dan pengaliharaan;
  - (a) terdapat cahaya yang terang dan mencukupi di dalam premisnya;
  - (b) sistem lampu kecemasan dalam keadaan baik dan boleh dikendalikan dan hendaklah diletakkan di mana-mana tangga, laluan dan pintu keluar premis berlesen;
  - (c) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis itu; dan
  - (d) setiap tangga, laluan dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis itu mendapat pencahayaan yang mencukupi.
- (iii) Semua bahan untuk kegunaan aktiviti perniagaan hendaklah di simpan di dalam stor mengikut tatacara yang sesuai;
- (iv) Kemudahan bilik / ruang serbaguna dan sebagainya;
  - (a) PBT boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan kemudahan bilik sembahyang untuk orang Islam, bilik istirehat, kantin, bilik salin pakaian dan almari yang sesuai atau apa-apa kemudahan lain untuk pekerjaanya; dan
  - (b) Jika pekerja di premis berlesen terdiri daripada lelaki dan perempuan, kemudahan bilik sembahyang, bilik istirehat, bilik

salin pakaian dan almari hendaklah disediakan secara berasingan oleh pemegang lesen.

- (v) Sistem perparitan luar hendaklah disediakan bagi pengurusan air hujan;
- (vi) Lantai bagi seluruh kemudahan premis cucian kenderaan hendaklah dibina daripada bahan yang kedap air seperti konkrit serta boleh menampung beban hidup dan mati (*life load and dead load*) bagi mengelakkan kerosakan struktur lantai berkenaan;
- (vii) Bagi mengawal air basuhan kenderaan keluar daripada kawasan basuhan, kawasan tersebut hendaklah dibina batas (*bund*) sekeliling kawasan dengan ketinggian sekurang-kurangnya 75 mm dan kelebaran sekurang-kurangnya 100 mm atau pilihan lain seperti pembinaan dinding atau sekatan;
- (viii) Lantai kawasan basuhan hendaklah dicerunkan ke arah titik pengumpulan atau longkang yang akan disambungkan kepada sistem pra-rawat sebelum efluennya dilepaskan ke longkang atau alur air. Lantai perlu mempunyai kecerunan yang bersesuaian bagi memastikan air basuhan boleh dialirkan tanpa bertakung dan melimpahi batas (*bund*);
- (ix) Keluasan lantai hendaklah mencukupi bagi mengelakkan percikan air semasa kerja-kerja basuhan terkeluar daripada kawasan tersebut;
- (x) Sistem perparitan dalaman hendaklah dibina dengan mengadakan longkang kecil dengan kecerunan yang sesuai di sekeliling kawasan basuhan bagi mengumpulkan dan mengalirkan semua air basuhan kenderaan ke sistem pra-rawat sebelum dilepaskan ke longkang atau alur air;
- (xi) Sistem pra-rawat hendaklah dipasang bagi merawat air basuhan kenderaan sebelum dialirkan ke longkang atau alur air. Sistem yang

digunakan untuk pra-rawat air basuhan kenderaan dinamakan perangkap minyak yang mempunyai komponen perangkap enapan dan minyak;

- (xii) Reka bentuk kapasiti perangkap minyak yang diperlukan adalah bergantung kepada paras pencemaran kenderaan yang dibasuh, isipadu dan kadar aliran air basuhan dan masa yang diperlukan bagi enapan itu mendap;
- (xiii) Pemegang lesen premis hendaklah memasang perangkap minyak yang mempunyai laporan penilaian prestasi (*performance evaluation report*) daripada SIRIM Berhad;
- (xiv) Bahan binaan bagi perangkap minyak hendaklah tidak mudah karat, tidak mudah terlarut dan telap air;
- (xv) Perangkap minyak hendaklah dipasang di tempat yang mudah diakses dan tidak terhalang untuk tujuan pemeriksaan dan penyenggaraan;
- (xvi) Pemasangan perangkap minyak di bawah tanah perlu bersesuaian bagi mengelakkan air basuhan dan air hujan dari memasukinya;
- (xvii) Untuk keselamatan, semua perangkap minyak perlu ditutup. Perangkap minyak yang dibina di bawah tanah perlu disediakan tanda bagi menunjukkan lokasinya. Tanda amaran dan halangan keselamatan perlu disediakan apabila perangkap minyak dibuka bagi kerja-kerja pemeriksaan, pembersihan dan penyenggaraan;
- (xviii) Jika terdapat sebarang perubahan atau pengubahsuaian premis diluluskan oleh PBT yang melibatkan penambahan keluasan tempat basuhan kenderaan bagi menampung bilangan pelanggan premis basuhan kenderaan yang bertambah, maka pemegang lesen premis tersebut perlu menambah bilangan atau menaik taraf perangkap minyak sedia ada yang telah dipasang disebabkan kadar aliran air buangan yang bertambah;

- (xix) **Rajah 1, 2, dan 3** di bawah menunjukkan keperluan-keperluan fizikal premis cucian kenderaan. Sementara itu, **Rajah 4** menunjukkan contoh tipikal keratan rentas perangkap minyak yang komponennya terdiri daripada perangkap enapan dan minyak;
- (xx) Paparan Iklan / Papan Tanda Premis;
- (a) Paparan iklan yang dibenarkan pada premis cucian kenderaan adalah yang berkaitan perniagaan yang dillesen dan dipermitkan sahaja;
  - (b) Peniaga yang hendak membuat paparan iklan tersebut perlu mematuhi keperluan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta PBT; dan
  - (c) Iklan yang tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan cucian kenderaan adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- (xxi) Bekalan Air;
- (a) Bekalan air yang tetap dan mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa di mana-mana premis berlesen dan semua pili air hendaklah disambung terus ke paip air utama dari bekalan air awam; dan
  - (b) Permohonan untuk penyambungan bekalan air ke premis berlesen hendaklah dikemukakan mengikut prosedur dan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.
- (xxii) Kemudahan Kebersihan;
- (a) PBT boleh menghendaki premis berlesen menyediakan tandas yang sesuai, singki, menurut apa-apa cara dan jumlah yang difikirkan patut oleh PBT;
  - (b) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan bekalan air yang mencukupi dan bekas/ tong sampah;
  - (c) Pemegang lesen hendaklah memastikan semua tandas, singki, tempat membuang air kecil, dan lain-lain alatan danengkapan

yang dipasang di dalamnya hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, diselenggarakan, dibaiki dan diganti apabila perlu dan dikehendaki oleh PBT pada bila-bila masa;


- (d) Dinding tandas dan tempat membuang air kecil hendaklah dibuat daripada jubin bersinar dan tingginya tidak kurang dari 1.5 meter dan lantai hendaklah dipasang jubin tidak licin;
- (e) Setiap tandas, tempat membuang air kecil hendaklah dibekalkan dengan lampu dan peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh PBT;
- (f) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, singki dan lain-lain kotoran buangan hendaklah disalurkan sebagaimana yang ditetapkan oleh PBT; dan
- (g) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas sentiasa dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

(xxiii) Tanjakan (*Ramp*);


- (a) Sekiranya terdapat perbezaan aras antara jalan, kaki lima dan kawasan basuhan kenderaan di bahagian hadapan dan belakang premis, pemegang lesen adalah dikehendaki menyediakan suatu tanjakan (*ramp*) dari jenis mudah alih dan dialih sekiranya tiada operasi perniagaan;
- (b) Bahan tanjakan (*ramp*) hendaklah dari jenis besi kukuh berpermukaan rata yang tidak licin dan berwarna terang untuk dibezakan dengan pejalan kaki; dan
- (c) Tidak menghalang pengaliran air permukaan ke parit erong.




Rajah 1: Pelan Tipikal Keperluan Fizikal Premis Cucian Kenderaan




Rajah 2: Pandangan Keratan Rentas A-A Premis Cucian Kenderaan



Rajah 3: Pandangan Keratan Rentas B-B Premis Cucian Kenderaan



Rajah 4: Contoh Keratan Rentas Perangkap Minyak



## 5.6 Operasi dan Penyenggaraan

### 5.6.1 Penyenggaraan Perangkap Minyak

- (a) Perangkap minyak mesti diletakkan di kawasan yang mudah diakses pada bila-bila masa;
- (b) Enapan yang terperangkap di bahagian bawah perangkap minyak tidak boleh dibiarkan terkumpul melebihi 20% daripada ketinggian basah perangkap minyak. Sekiranya ini berlaku, kecekapan perangkap minyak akan menurun dan meningkatkan kebarangkalian pepejal atau enapcemar melepasi perangkap minyak ke longkang atau alur air;
- (c) Ketebalan minyak dan gris yang terapung di permukaan perangkap minyak tidak boleh dibiarkan terkumpul melebihi 3 cm kerana boleh menimbulkan masalah bau dan kesihatan. Ini juga boleh menyebabkan kecekapan perangkap minyak menurun;
- (d) Perangkap minyak mesti disenggarakan bagi memastikan perangkap minyak itu sentiasa berfungsi dengan baik. Proses pembersihan tidak boleh menggunakan sebarang cecair pencuci atau pelarut kimia;
- (e) Pemilik premis perlu memastikan rekod penyenggaraan berhubung seperti tarikh pemeriksaan dan penyenggaraan perangkap minyak disimpan rapi di premis untuk tujuan pemeriksaan oleh pihak berkuasa;
- (f) Pemegang lesen premis cucian kenderaan bertanggungjawab untuk menyediakan semua rekod berkaitan kerja-kerja pemeriksaan, pembersihan dan penyenggaraan untuk setiap unit sistem tersebut secara berkala menggunakan contoh format seperti di **Lampiran 1: Jadual Kerja Penyenggaraan Perangkap Minyak**. Rekod perlu disahkan oleh pemilik premis;
- (g) Rekod perlu disimpan di premis masing-masing untuk tujuan pemeriksaan oleh PBT dan perlu dikemukakan kepada PBT semasa pemeriksaan dan pemantauan di premis; dan
- (h) Bagi tujuan permohonan pembaharuan lesen premis cucian kenderaan rekod pemasangan, pembersihan dan penyenggaraan perangkap minyak perlu dikemukakan sebagai

dokumen sokongan. Pemegang lesen perlu menyimpan rekod 1 tahun terkini bagi rekod pembersihan dan penyenggaraan sistem pra-rawatan di premis mereka.

### **5.6.2 Kebersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal**

- (a) Kawasan perniagaan hendaklah berada dalam keadaan kemas dan bersih setiap sesi perniagaan. Aktiviti-aktiviti pembersihan premis dilakukan setiap kali sebelum dan selepas setiap sesi perniagaan;
- (b) Pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sisa pepejal yang mencukupi seperti yang ditetapkan oleh PBT;
- (c) Semua sisa pepejal basah hendaklah dimasukkan dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sisa pepejal;
- (d) Semua sisa pepejal hendaklah dibuang mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh PBT dari semasa ke semasa; dan
- (e) Peniaga adalah digalakkan untuk mengitar semula bahan buangan.

### **5.6.3 Pengurusan Buangan Terjadual**

- (a) Sisa daripada proses pengasingan di perangkap minyak terdiri daripada sisa minyak dan gris serta sisa enapan cemar;
- (b) Sisa minyak dan gris serta enapan cemar yang terkumpul daripada perangkap minyak dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual dan hendaklah dipungut, dihantar dan/atau diproses oleh kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar seperti yang termaktub dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005; dan
- (c) PBT bertanggungjawab dalam membuat pemantauan daripada semasa ke semasa terhadap pemegang lesen premis cucian kenderaan serta kontraktor yang telah dilantik bagi kerja-kerja

pelupusan sisa untuk memastikan semua sisa dilupuskan mengikut kaedah yang ditetapkan.

#### **5.6.4 Keselamatan**

- (a) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suasana yang selamat dan sihat di premis berlesen kepada pekerjaanya seperti yang ditetapkan oleh PBT;
- (b) Lantai dan tangga di setiap premis berlesen hendaklah:
  - (i) diselenggara dalam keadaan rata, baik, tidak licin dan tidak mendatangkan bahaya; dan
  - (ii) bebas dari lubang pemasangan penutup, saluran air atau konduit yang tidak sempurna dan bebas dari paku-paku yang menonjol, injap atau paip terkeluar atau lain-lain yang tertonjol keluar atau halangan.
- (c) Setiap premis berlesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi dan hendaklah dilengkapi dengan sempurna dan diletakkan pada tempat yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh PBT;
- (d) Tiada sebarang peralatan atau barang milik pekerja atau pakaian boleh disimpan atau digantung di mana-mana bahagian premis berlesen kecuali di dalam almari kecil berkunci atau dalam bilik rehat atau ruangan yang diluluskan dan dibenarkan oleh PBT;
- (e) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis berlesen tidak sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau merbahaya kepada kesihatan pekerjaanya;
- (f) Pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara tiap-tiap bahagian premis cucian kenderaan termasuk apa-apa pemasangan dan lengkapan, supaya berada dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa sehingga memuaskan hati PBT; dan
- (g) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa:

- (i) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;
- (ii) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- (iii) semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

#### **5.6.5 Penggunaan Produk Mesra Alam**

Pemegang lesen hendaklah menggunakan produk cucian kenderaan mesra alam atau terbiodegradasi atau bebas fosfat dalam aktiviti-aktiviti cucian kenderaan bagi mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar.

#### **5.6.6 Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan Dilakukan Di Premis**

Berikut adalah aktiviti yang tidak dibenarkan dilakukan di premis cucian kenderaan:

- (i) Aktiviti penyenggaraan dan membaiki kenderaan yang melibatkan pengendalian minyak pelincir; dan
- (ii) Aktiviti mencuci kenderaan dilakukan di luar kawasan premis.

### **5.7 Pencemaran**

Tiada mana-mana pemegang lesen boleh melepas atau menyebabkan atau membenarkan dilepaskan sebarang efluen atau kumbahan kecuali pada tempat atau tempat-tempat pelepasan efluen dan hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh PBT atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

## 5.8 Kacau Ganggu

Sekiranya terdapat aduan awam mengenai kacau ganggu, PBT boleh mengarahkan peniaga untuk menghentikan perniagaan ataupun mengurangkan punca-punca yang menyebabkan kacau ganggu berkenaan.

### 5.8.1 Menumpahkan bahan mengganggu

Pemegang lesen tidak boleh:

- (a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong karung atau apa-apa benda atau apa-apa barang ke dalam sesuatu longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di sesuatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (c) menjemur apa-apa benda makanan atau lain-lain benda atau barang di mana-mana longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor atau lain-lain benda yang mengganggu atau benda kotor dari apa-apa jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah, sampah



tred atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;

- (f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya; atau
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, siar kaki, kawasan pejalan kaki atau mana-mana tempat awam atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.

#### **5.8.2 Pembakaran**

Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan pembakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh PBT dan atau Jabatan Alam Sekitar.

#### **5.8.3 Penyebaran habuk dan sebagainya**

Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga dari tempat atau premis berlesennya yang adalah suatu kacau ganggu atau mencemarkan udara.

#### **5.8.4 Bising**

Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacau ganggu semasa menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian.

### **5.8.5 Haiwan dan makhluk perosak**

Pemegang lesen bertanggungjawab dengan apa-apa cara yang bersesuaian untuk menghalang haiwan sama ada haiwan peliharaan atau serangga dan unggas seperti lalat, semut dan burung dari memasuki kenderaan semasa beroperasi dan tidak beroperasi bagi menjamin kebersihan.

## **5.9 Pemantauan dan Penguatkuasaan**

Berdasarkan akta, peraturan sedia ada dan syarat-syarat yang dikenakan oleh PBT, pemantauan dan penguatkuasaan hendaklah dijalankan bagi perkara-perkara dan yang mana berkaitan dengannya seperti berikut:

- i. Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai PBT yang diberi kuasa boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat pelanggaran syarat seperti yang dinyatakan dalam garis panduan ini;
- ii. Pematuhan kepada syarat-syarat lesen/ permit yang telah ditetapkan oleh PBT;
- iii. Pemeriksaan permit / lesen perniagaan;
- iv. Waktu perniagaan;
- v. Permit / lesen perlu dipamerkan;
- vi. Lokasi perniagaan;
- vii. Aspek kebersihan dan kesihatan; dan
- viii. Halangan dan kacau ganggu.

## **5.10 Amalan pengurusan terbaik**

Berikut adalah amalan pengurusan terbaik yang perlu dilaksanakan di premis cucian kenderaan:

- (a) Pelan lantai yang menunjukkan sistem perparitan luaran dan dalaman hendaklah disediakan – untuk mengetahui lokasi di mana longkang

saliran air permukaan, longkang saluran air basuhan dan mengetahui tempat penyambung ke longkang atau alur air.

- (b) Pelan lantai hendaklah dikod warna, contohnya biru untuk saluran air permukaan dan merah untuk saluran pembetulan.
- (c) Penyembur air pencuci bertekanan tinggi tidak boleh digunakan, melainkan jika mempunyai ruangan basuhan tertutup yang telah ditetapkan.
- (d) Meminimumkan penggunaan air dan cecair pencuci bagi setiap cucian kenderaan.
- (e) Cecair pencuci, dan cecair pengkilap kereta mesti disimpan di tempat penyimpanan khas dengan jarak yang sesuai bagi mengelakkan pencemaran atau tindakbalas kimia. Tempat penyimpanan perlu jauh daripada longkang.
- (f) Sekiranya berlaku tumpahan cecair pengkilap kereta, pembersihan mesti dilakukan segera menggunakan kain penyerap yang sesuai. Kain atau bahan penyerap perlu dilupuskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- (g) Setiap pekerja di premis telah diberi penerangan berkaitan penyimpanan dan pengendalian cecair pencuci, cecair pengkilap kereta atau sebarang bahan kimia lain di premis dan potensi bahaya serta sumber pencemaran yang kemungkinan terjadi.
- (h) Pemegang lesen digalakkan menyediakan pakaian seragam yang bersesuaian dengan pekerjaan kepada pekerjanya. Pakaian mestilah selesa dipakai sepanjang sesi operasi dan hendaklah diperbuat daripada fabrik/ kain menyerap peluh. Pemakaian aksesori di tubuh badan atau pakaian yang boleh menyebabkan kecederaan semasa bekerja dan kerosakan kepada harta benda pelanggan harus dielakkan.

## **6.0 PENUTUP**

Garis Panduan Pengurusan Premis Cucian Kenderaan ini akan memudahkan semua pihak yang terlibat seperti PBT dan agensi-agensi yang berkaitan

untuk merancang keperluan pengurusan perniagaan perkhidmatan cucian kenderaan secara komprehensif dan holistik. Garis Panduan ini juga akan membantu pihak peniaga, persatuan dan sebagainya untuk menjalankan perniagaan dengan lebih teratur.

## **7.0 RUJUKAN**

- 7.1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- 7.2. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).
- 7.3. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).
- 7.4. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- 7.5. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- 7.6. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006
- 7.7. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)
- 7.8. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005/terkini;
- 7.9. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- 7.10. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap;
- 7.11. Undang-Undang Kecil Iklan;
- 7.12. Malaysian Standard (MS) 1539-*Spesification for Portable Fire Extinguishers-Part 3: Selection and Installation-Code of Practice*;
- 7.13. Garis Panduan Permohonan Lesen Pusat Servis Kenderaan, Bengkel Kenderaan, Pusat Cuci Kereta & Kedai Aksesori Kenderaan Majlis Perbandaran Subang Jaya, Selangor.

## **8.0 LAMPIRAN**

Lampiran 1: Jadual Kerja Penyenggaraan Perangkap Minyak

**JADUAL KERJA PENYENGGARAAN PERANGKAP MINYAK**

**A. Maklumat premis:**

1. Nama Premis : .....

2. Alamat Premis : .....

**B. Maklumat penyenggaraan:**

Bil	Tarikh	Masa	Nama	Tandatangan	Catatan
	eg: [ dd/mm ]	eg: [ hr:min am/pm ]			

**C. Maklumat pelupusan:**

Bil	Tarikh	Kuantiti minyak & gris untuk dilupuskan	Kuantiti enapan cemar dilupuskan	Tarikh kutipan sisa	Tandatangan	Catatan
	eg: [ dd/mm ]	eg: [ kg ]	eg: [ kg ]	eg: [ dd/mm ]		

*\*bukti pelupusan perlu disimpan*